

| | |
|-------------|--|
| DATE | : 08 FEB 2024 |
| PUBLICATION | : UTUSAN SARAWAK |
| SECTION | : BISNES |
| HEADLINE | : AGX GROUP MULA DISENARAIKAN DI PASARAN ACE |
| CATEGORY | : COMPANY |
| MEASUREMENT | : 44 CM ² |
| TONE | : NEUTRAL |
| REMARKS | : N/A |

AGX Group mula disenaraikan di Pasaran ACE

KUALA LUMPUR: AGX Group Bhd memulakan penyenaraianannya di Pasaran ACE Bursa Malaysia hari ini pada 41 sen dengan mencatat premium sebanyak enam sen atau 17.14 peratus berbanding harga tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak 35 sen.

Pada loceng pembukaan, kaunter menyaksikan sebanyak 6.87 juta saham saling berpindah tangan.

Sebelum ini pada 26 Januari lepas, penyedia perkhidmatan penghantaran dan logistik aeroangkasa melaporkan sahamnya yang tersedia untuk permohonan orang awam Malaysia, telah terlebih langgan sebanyak 15.43 kali.

Syarikat itu akan memanfaatkan hasil kasar sebanyak RM33.78 juta yang dijangka diperoleh melalui IPO itu, termasuk masing-masing RM16.44 juta bagi tujuan modal kerja dan RM8.70 juta untuk mengembangkan perniagaan di Malaysia dan Korea Selatan dengan membuka gudang dan pejabat baharu di Pulau Pinang dan Johor Bahru selain di Busan, Korea Selatan.

Selain itu, syarikat berkenaan turut memperuntukkan RM4.14 juta bagi tujuan bayaran balik pinjaman bank dan RM4.5 juta untuk perbelanjaan penyenaraian.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Ponnudurai Periasamy berkata kumpulan

itu merancang untuk membuka sebuah gudang baharu di Pelabuhan Tanjung Pelepas yang terletak sekitar 21 kilometer dari gudangnya di Singapura.

"Saya melihatnya sebagai langkah strategik yang baik berikutan projek Sistem Transit Aliran Ringan (RTS) Johor Bahru-Singapura yang kini siap 65 peratus.

"Di samping itu, terdapat memorandum persefahaman antara Singapura dan Johor bagi (pembangunan) zon ekonomi khas dan Johor-Singapura. Oleh itu, tindakan membuka sebuah gudang di sana akan melengkapkan lagi operasi kami di Singapura," katanya pada sidang media selepas majlis penyenaraian syarikat itu di sini, semalam.

Mengulas rancangan AGX membuka gudang di Pulau Pinang, Ponnudurai berkata, ini bertepatan dengan ciri negeri itu yang mempunyai kemudahan lapangan terbang, pelabuhan serta industri semikonduktor dan pembuatan yang mantap.

"Kami sememangnya ada pelanggan di sana tetapi tidak dapat menawarkan perkhidmatan sepenuhnya kerana tiada pejabat atau sebarang kehadiran di bahagian utara Malaysia. Oleh itu, mempunyai cawangan di Pulau Pinang adalah sebahagian daripada rancangan masa depan kami," katanya. — Bernama